

Sedia mantapkan diri dengan kemahiran baharu

UB 1-4-2018 A6

KOTA KINABALU: Para mahasiswa perlu bersedia untuk sentiasa memantapkan diri dengan pelbagai kemahiran baharu sebagai suatu nilai

tambah.

Atas tujuan itu, Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan Bengkel

Penulisan Berita di Bilik Seminar, Dewan Serbaguna Kolej Kediaman Tun Fuad, UMS di sini, pagi Sabtu.

Exco Publisiti dan

Kewartawanannya Masran Tamin berkata, program itu adalah kesinambungan hala tuju MPP UMS untuk meningkatkan kemahiran insaniah dalam kalangan mahasiswanya.

“Bengkel itu bertujuan untuk memperkasakan kemahiran penulisan unit publisiti bagi kelab, persatuan dan jawatankuasa kebajikan mahasiswa yang terdapat di UMS.

“Melalui program ini juga, mahasiswa dapat memperbaiki mutu penulisan selain mempunyai motivasi yang tinggi untuk menghasilkan penulisan berita yang baik,” katanya.

Bengkel sehari itu disertai seramai 16 siswa dan siswi telah didedahkan mengenai motivasi penulis, pengurusan media, kod etika kewartawanan dan konsep serta asas penulisan berita. -Penerangan.



EVIANNIE semasa sesi perkongsian ilmu dan pengalamannya.



PARA peserta bergambar kenangan selepas tamat bengkel.